



بولتين

EDISI JANUARI 2024

BULETIN MDKK

MAJLIS DAERAH KUALA KRAI

MAJLIS PENYAMPAIN & PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MDKK 2024

Lihat Muka 2



LAWATAN TAPAK TUAN SETIAUSAHA MDKK KE MINI ZOO KUALA KRAI BAGI MENINJAU KEROSAKAN STRUKTUR CERUN

2 Januari 2024 - Tuan Setiausaha MDKK telah mengadakan lawatan tapak ke Mini Zoo Kuala Krai bagi meninjau kerosakan dan tanah runtuh akibat cuaca buruk yang berlaku di Mini Zoo Kuala Krai beberapa hari lepas. Turut mengiringi dalam lawatan ini Jurutera Jajahan Kuala Krai dan pegawai-pegawai daripada MDKK dan JKR



KERJA-KERJA PENEBAANGAN POKOK YANG BERISIKO

9 Januari 2024- Bertindak mengikut aduan daripada Penghulu Mukim Pahi, Majlis Daerah Kuala Krai melalui Jabatan Landskap bersama Jabatan Penguatkuasaan serta PDRM Kuala Krai telah menjalankan kerja-kerja penebangan & pembersihan dahan sebatang pokok yang berisiko tinggi di hadapan SMK Pahi.

[BACA LAGI](#)



#MDKK DIHATI #KUALAKRAIKU BERSIH



MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN & PENGAKUAN AHLI MAJLIS TAHUN 2024 DAN MESYUARAT PENUH MDKK BIL. 01/2024.

22 Januari 2023-Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan & Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis yang telah disempurnakan di hadapan YABrs. Tuan Haji Azi Rahimee bin Haji Mohamed, Yang DiPertua Majlis Daerah Kuala Krai. Turut hadir sama ke majlis, En. Muhammad Zaidi Bin Mat Jusoh, Setiausaha MDKK dan Ketua-ketua Jabatan MDKK.

Syabas & tahniah buat semua Ahli Majlis yang baru dilantik. Selamat menjalankan tugas dengan penuh amanah dan dedikasi.



Tahniah

Mendapat pengiktirafan **KATEGORI CEMERLANG** bagi Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kendiri

MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI KELANTAN TAHUN 2024

22 Januari 2023-Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kelantan Tahun 2024 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud, Menteri Besar Negeri Kelantan bertempat di Dewan Sri Makmur 2, H-Elite Design Hotel Kota Bharu.

Sekalung tahniah diucapkan kepada kesemua Ahli Majlis Majlis Daerah Kuala Krai dan semua Ahli Majlis yang telah dilantik bagi tahun 2024 untuk mewakili 12 buah PBT Negeri Kelantan.



09-960 2000

mdkk@kelantan.gov.my

KM 1, LEBUH RAYA KUALA KRAI-GUA
MUSANG

MAJLIS PERASMIAN KRAI WATER PARK

14 Januari 2024–Yang Berhormat Hilmi Bin Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan Dan Alam Sekitar Negeri Kelantan, merangkap ADUN Guchil hadir merasmikan tarikan terbaharu Taman Tema Air Kuala Krai “Krai Water Park”.

YB EXCO menyampaikan hasrat agar Jajahan Kuala Krai akan menjadi salah satu tempat pelancongan yang terkemuka selari dengan Tahun Melawat Kelantan 2024 dan yakin dengan pembangunan Taman Tema Air Kuala Krai ini akan dapat meningkatkan lagi sosioekonomi setempat.



LIGA SUKAN MAJLIS DAERAH KUALA KRAI 2024

Pelancaran Liga Sukan Majlis Daerah Kuala Krai 2024 telah disempurnakan oleh YABrs. Haji Azi Rahimee Haji Mohamed, Yang DiPertua MDKK. Liga ini merupakan liga sukan anjuran Kelab Sukan & Kebajikan Majlis Daerah Kuala Krai (KESUMA) yang membawa moto “**MDKK SIHAT**” dan merupakan perlawanan rumah sukan yang bermula Januari 2024 sehingga September 2024.

Penganjuran sukan ini melibatkan 12 acara iaitu Bola Sepak, Memanah, Badminton, Futsal, Bowling, Dart, Karom, Bola Jaring, Sepak Takraw, Ping Pong, Tarik Tali dan juga Sukan Rakyat.

Penganjuran liga sukan ini bertujuan mengeratkan tali silaturahmi antara seluruh warga kerja MDKK dan mempromosikan budaya aktif dan sihat bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.





OPERASI SITAAN PREMIS SARANG BURUNG WALIT

18 Januari 2024-Dalam operasi ini, sebanyak 5-unit premis telah disita dan dikeluarkan Notis Sitaan kerana menjalankan perusahaan secara tidak sah selain menyebabkan gangguan awam. Tindakan pendakwaan akan dilaksanakan selepas tamat tempoh Notis Akhir yang dikeluarkan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MDKK 2019 serta rujukan Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP).

Antara gangguan awam yang telah diterima seperti pencemaran bunyi bising di kawasan sekitar, kekotoran akibat najis burung di merata tempat yang merosakkan pemandangan bangunan serta pencemaran saluran air yang boleh tersumbat.



LAWATAN KERJA KE HUSIN FAUZI FARM, SHAH ALAM

19 Januari 2024-Tuan Setiausaha Majlis Daerah Kuala Krai telah mengadakan lawatan kerja ke Husin Fauzi Farm, Shah Alam (petting zoo) bagi mendengar sendiri perkongsian pengetahuan & pengalaman daripada pemilik Husin Fauzi Farm. Pihak Mini Zoo Kuala Krai mengucapkan terima kasih kepada Husin Fauzi Farm atas kesudian menerima kunjungan Tuan Setiausaha MDKK.

LAWATAN KERJA HUSIN FAUZI FARM KE MINI ZOO KUALA KRAI



23 Januari 2024- Pihak Mini Zoo Kuala Krai telah menjemput pemilik Husin Fauzi Farm (Petting zoo) bagi mengadakan sesi lawatan & konsultasi ke Mini Zoo Kuala Krai bagi berkongsi ilmu pengetahuan & pengalaman beliau dalam industri pelancongan berkaitan zoo. Pihak Mini Zoo Kuala Krai mengucapkan terima kasih kepada Husin Fauzi Farm atas kesudian mengunjungi Mini Zoo Kuala Krai